

Konsep Kendiri Remaja (part 4)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

a) Pengaruh kawan-kawan

Kawan-kawan juga memainkan peranan dalam pembentukan peribadi dan tingkah laku remaja. Ini kerana remaja mahu mereka sentiasa diterima oleh kawan-kawan. Pengaruh kasih sayang di antara remaja dengan kawan-kawan cukup kuat. Oleh itu, untuk memastikan dia diterima dan disayangi kawan-kawan, seseorang remaja akan mengikut apa sahaja yang dilakukan oleh kawan-kawannya.

b) Pengaruh teman istimewa

Hubungan istimewa di antara remaja lelaki dan remaja perempuan merupakan pengaruh paling besar dalam pembentukan peribadi mereka. Contohnya, apabila seseorang remaja wanita mengenali seorang remaja lelaki walaupun telah berlanjutan selama tiga bulan, dia masih tidak jemu mengikuti teman barunya itu. Ini kerana remaja lelaki tersebut dapat memberikan perhatian dan kasih sayang serta memahami jiwanya. Remaja mempunyai naluri yang kuat untuk disayangi. Apabila disayangi, remaja berasa dirinya diterima. Emosi boleh menguasai fikiran remaja. Bagi mereka, teman istimewa mengambil berat dan memberi perhatian yang sepenuhnya. Ketika itu, jika hubungan mereka dihalang ibu bapa, mereka akan menentang serta bertindak kasar kerana dianggap cuba menyekat kebebasan dan hubungan yang begitu dihargai.